

NAM - MAHATHIR RRRR
OLEH ABDUL RAHMAN SULAIMAN

BELGRADE! 4 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARIINI MENGINGATKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN DUNIA KETIGA TERHADAP APA YANG BELIAU LIHAT SEBAGAI+SATU USAHA YANG JELAS+ UNTUK MENGURANGKAN PERANAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU, DAN PEMBENTUKAN FORUM-FORUM BARU DAN EKSKLUSIF UNTUK MENYSISIHKAN PENYERTAAN NEGARA-NEGARA MISKIN.

SAMBIL MENYEBUT CONTOH KEGIATAN KUMPULAN-7, PERDANA MENTERI BERKATA KUMPULAN INI YANG TERDIRI DARIPADA NEGARA-NEGARA KAYA TELAH MENGGUNAKANNYA UNTUK MENGANGGU EKONOMI DAN PENGALIRAN WANG DUNIA, YANG MENGAKIBATKAN NEGARA-NEGARA MISKIN MENDERITA.

+SALAH SATU DARIPADA AKIBATNYA IALAH HUTANG NEGARA-NEGARA SEPERTI MALAYSIA TELAH MENINGKAT SEKALI GANDA BERIKUTAN KAJIAN PENINGKATAN SEHULA DALAM YEN YANG KITAPINJAM,+ KATANYA DALAM UCAPAN DASARNYA PADA PERSIDANGAN KESEMBILAN KETUA-KETUA KERAJAAN PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI, DI SINI.

SEBANYAK 102 PRESIDEN, PERDANA MENTERI ATAU WAKIL MEREKA DARI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN, YANG MEWAKILI KIRA-KIRA DUA PERTIGA PENDUDUK DUNIA MENGHADIRI PERSIDANGAN EMPAT HARI ITU, YANG DIRASMIKAN OLEH PRESIDEN YUGOSLAVIA DR JANEZ DRNOVSEK.

YANG TURUT HADIR IALAH PARA PEMERHATI DARI NEGARA-NEGARA LAIN DAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN HASRAT KUMPULAN-7 ITU IALAH UNTUK MENGURANGKAN EKSPORT JEPUN, TETAPI IA TELAH MENGAKIBATKAN NEGARA-NEGARA MISKIN SEPERTI MALAYSIA TERPAKSA MENANGGUNG KESANNYA.

-- LAGI

2354MST 04 09 89

U 8073 AAB

NAM - MAHATHIR 2 BELGRADE RRRR

PADAMASA YANG SAMA, TIDAK KURANG JUGA JEPUN TELAH MENJADI KURANG BERSAING BERIKUTAN PENILAIAN SEMULA MATA WANG YEN.

+SESUNGGUHNYA, IA SEKARANG MENJADI KAYA DUA KALI DAN MEMBELI PERNIAGAAN DAN HARTA YANG DIMILIKI OLEH ENAM NEGARA YANG LAIN+.

SAHBIL MENYIFATKAN SELURUH TINDAKAN ITU SEBAGAI SATU +KEADILAN PURA-PURA+, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI AMARAN BAHAWA SYARAT-SYARAT PERDAGANGAN TIDAK MENJADI BERTAMBAH BAIK BAGI DUNIA KETIGA.

PERLINDUNGAN DAN CARA PERDAGANGAN YANG TIDAK ADIL, KATANYA TELAH MEWUJUDKAN KEKECOHAN DENGAN NEGARA-NEGARA YANG MISKIN.

+SEMENTARA SUBSIDI OLEH DUNIA KETIGA AKAN MENGAKIBATKAN DUTI TIMBAL BALAS OLEH NEGARA-NEGARA KAYA, MEREKA SENDIRI MEMBERI SUBSIDI KEPADA INDUSTRI-INDUSTRI MEREKA SEHINGGA KEPADA PERINGKAT DI MANA LAMBAKAN PENGELUARAN DIGALAKKAN DAN PASARAN MENJADI PADAT,+ KATANYA.

+AKIBATNYA KELUARAN-KELUARAN NEGARA-NEGARA MISKIN TELAH MENJADI SUKAR DIJUAL. LEBIHAN MAKANAN DIGUNAKAN UNTUK MENGHALANG PASARAN BAGI NEGARA-NEGARA MISKIN,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG MERUPAKAN SPEAKER KETIGA YANG BERUCAP PADA HARI PERASMIAN PERSIDANGAN ITU SELEPAS PRESIDEN REPUBLIK ZAMBIA KENNETH KAUNDA DAN PRESIDEN ALGERIA CHADLI BENJEDID MENGISYTIHARKAN BAHAWA ADALAH MENJADI TUGAS SETIAP ANGGOTA PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI (NAM) UNTUK MEMASTIKAN BAHAWA PEMULIHAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU BERJAYA. -- LAGI

0014MST 05 09 89

U B074 AAB
NAM - MAHATHIR 3 BELGRADE RRRR

BELIAU BERKATA: **+TIDAK HARUS ADA KERAGUAN TERHADAP USAHA-USAHA PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU KERANA TANPANYA KITA TIDAK AKAN MELIHAT DUNIA YANG LEBIH AMAN DARIPADA APA YANG KITA LIHAT HARI INI+.**

+PERANG IRAN-IRAQ, PENDUDUKAN RUSIA DI AFGHANISTAN, KEDEGILAN AFRIKA SELATAN DI NAMIBIA, PERPECAHAN DI KALANGAN BEBERAPA NEGARA DI AFRIKA DAN AMERIKA TENGAH DAN MASALAH DI ASIA TIDAK AKAN DAPAT DISELESAIKAN ATAU DIKURANCKAN JIKA PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU TIDAK ADA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN PARAPEMIMPIN NAM BAHAWA: +KITA MEMPUNYAITUGAS UNTUK MEMPERKUATKAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU KERANA BADAN ITU BERPERANAN HEWUJUDKAN KESIMBANGAN DAN KESEJAHTERAAN BAGI MASYARAKAT DUNIA. KITA TIDAK HARUS MEMBENARKAN PERTUBUHAN EKSLUSIF MENGAMBIL ALIH PERANAN ITU+.

DALAM UCAPAN SELAMA 20 MINITITU, PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH MENGENAI MASALAH ALAMSEKITAR, HAK ASASIKEMANUSIAAN, ISU PENAN, KAMPUCHEA9 KONSEP DEMOKRASI, MASALAH HUTANG DAN TANGGAPAN BELIAU TERHADAP PERANAN BARU NAM DALAM KONTEKS DUNIA HARIINI.

MENGENAI ALAMSEKITAR, BELIAU BERKATA IA TELAH DIJADIKAN SEBAGAI SENJATA DALAM PERDAGANGAN.

+PENIPISANPARAS OZONE DIPERSALAHKAN KEPADA KEGIATAN PEMBALAKAN DI HUTAN-HUTAN TROPIKA. HAKIKATNYA IALAH PEMBAKARAN TENAGA FOSIL DAN PELEPASAN CFC KE RUANG UDARA BERLAKU DENGAN BANYAKNYA DI NEGARA-NEGARAKAYA, TETAPI IA SERING TIDAK DIPEDULIKAN+, KATANYA.

BELIAU BERKATA TURUT TIDAK DIAMBIL PEDULI IALAH KEGIATAN PEMBALAKAN YANG MELUAS DI HUTAN SEDERHANA YANG MASIH BERTERUSAN WALAUPUN HAKIKATNYA BERJUTA-JUTA KM PERSEGI HUTAN SEDERHANA TELAH PUN LUPUS BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN DI NEGARA-NEGARA KAYA SEJAK BERABAD-ABAD YANG LEPAS. -- LAGI

0039MST 05 09 89

U B075 AAB
NAM - HAHATHIR 4 BELGRADE

BELIAU MENINGATKAN PERSIDANGAN ITU MENGENAI HAKIKAT BAHAWA DI PADANGPASIRAMERIKA, AIR DI BAWAH TANAH TELAH DISEDUT KELUAR UNTUK KEGUNAAN PADANG GOLF DAN MEWUJUDKAN TASIK-TASIK UNTUK MEMBINA HOTEL-HOTEL BERTARAF MEWAH, SAHBIL MENAMBAH KATA BAHAWA: +DALAM PADA ITU AIR MASIH BOLEH DIPEROLEHI UNTUK DIGUNAKAN BAGI MENANAM SEMULA HUTAN DI PADANG PASIRITU UNTUK MENGURANGKAN GAS YANG MEMUSNAHKAN LAPISAN OZON SERTA MEWUJUDKAN KESAN-KESAN KENYAMANAN+.

+SEBALIKNYA, NEGARA-NEGARAMISKIN DIPAKSA SUPAYA TIDAK MENGGUNAKAN KEKAYAAN HUTAN HEREKA BAGI TUJUAN MENJAGA ALAM SEKITAR UNTUK KEPENTINGAN NEGARA-NEGARA KAYA,+ TAMBAH BELIAU.

MENGENAI HAK ASASIKEMANUSIAAN, BELIAU KESAL YANG NEGARA-NEGARA MAJU TELAH MELANTIK DIRI MEREKA SENDIRI SEBAGAI ORANG TENGAH KEPADA HAK ASASI KEMANUSIAAN SEJAGAT.

ATAS NAMA HAK ASASIKEMANUSIAAN, MEREKA TELAH MENGENAKAN SEMUA JENIS TEKANAN TERHADAP NEGARA-NEGARA YANG TIDAK MAMPU UNTUK MEMPERTAHANKAN DIRI MEREKA.

DARI MASA KE SEMASA, PELBAGAI BENTUK HAK ASASI KEMANUSIAAN YANG BARU DICIPTA DAN SEBARANG NEGARA YANG DIDAPATI MELANGGAR HAK-HAK ASASI CIPTAAN MEREKA ITU AKAN MENGHADAPI KEJIAN UMUM DAN TINDAKAN-TINDAKAN KERAS YANG LAIN. -- LAGI

0052MST 05 09 89

D537

**U B076 AAB
NAM - MAHATHIR5 BELGRADE RRRR**

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU PERSIDANGAN ITU BAHAWA DI MALAYSIA, SATU KEMPEN TELAH DIJALANKAN OLEH ORANG LUAR BAGI MEMAKSA SATU HASYARAKAT PRIMITIF YANG DIKENALI SEBAGAI PENAN, SUPAYA MENGEKALKAN KEHIDUPAN SECARA PRIMITIF MEREKA DAN MENGAKU IA MERUPAKAN HAK MEREKA UNTUK BERBUAT DEMIKIAN.

SEOLAH-OLAH HASYARAKAT BERKENAAN HIDUP DALAM KEADAAN YANG SERBA KEKURANGAN TANPA KEMUDAHAN ASAS SEPERTI YANG DINIKMATI OLEH MASYARAKAT MALAYSIA YANG LAIN, KATANYA.

MENGENAI MASALAH HUTANG LUAR YANG DIHADAPI OLEH KEBANYAKAN NEGARA ANGGOTA NAM, PERDANA MENTERI BERKATA SATU-SATUNYA PENYELESAIAN BAGI MENGATASI MASALAH ITU IALAH MEMANSUHKAN KESELURUHAN ATAU SEPARUH DARIPADA HUTANG BERKENAAN.

+PARA PEMINJAM ITU PERLU MENGAKU YANG MEREKA TIDAK BERWASPADA DAN MESTI MEMBAYARNYA+.

+BANK-BANK PERDAGANGAN DAN KERAJAAN-KERAJAAN PERLU MENERIMA KERUGIAN ITU. KERAJAAN NEGARA-NEGARA KAYA TIDAK AKAN MUFLIS DENGAN MEMANSUHKAN HUTANG ITU. DAN BANK MEREKA MASIH BOLEH DIPULIHKAN+, KATANYA. -- BERNAMA

0056MST 05 09 09

D475